

U B232 AAB  
MAHATHIR - PROJEK

KUALA KUBU BHARU, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA KERAJAAN BOLEH MENGIZINKAN DOKUMEN-DOKUMEN KABINET MENGENAI PROJEK-PROJEK BESAR SEPERTI JAMBATAN PULAU PINANG DIBACA OLEH PIHAK-PIHAK BERKENAAN JIKA IA DIANGGAP PERLU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT UMNO BAHAGIAN ULU SELANGOR DI SINI IAITU KETIKA DIMINTA MENGULAS KENYATAAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM BAHAWA KERAJAAN GAGAL MEMBERI PENJELASAN KEPADA UMNO MENGENAI MAKLUMAT LANJUT PROJEK-PROJEK MEWAH.

PROJEK-PROJEK ITU TERMASUK JABATAN PULAU PINANG, DAYABUMI, PROTON SAGA DAN PROJEK-PROJEK PERBADANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM).

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA BAHAWA MAKLUMAT MENGENAI PROJEK-PROJEK ITU ADA PADA KERAJAAN DAN KERAJAAN BOLEH MENGEQUALIKANNYA DARIPADA UNDANG-UNDANG AKTA RAHSIA RASMI, JIKA DIANGGAP RAKYAT PERLU MENGETAHUINYA SECARA MENDALAM.

+REKOD-REKOD ITU BOLEH DISERAHKAN PADA SEMUA PIHAK UNTUK DIBACA DARIPADA MULA SAMPAI AKHIR, JIKA DIANGGAP KERAJAAN TELAH BERBUAT SESUATU TANPA MENGIKUT PERATURAN, SUPAYA IA BENAR-BENAR TERANG KEPADA MEREKA,+ KATA BELIAU. -- LAGI  
2044MST 14 03 87

U B233 AAB  
MAHATHIR - PROJEK 2 KUALA KUBU BHARU

DENGAN ITU, TAMBAH BELIAU, MEREKA YANG MEMBACANYA BOLEH MENGETAHUI SIAPA YANG MENGHADIRI MESYUARAT-MESYUARAT MENGENAI PROJEK-PROJEK ITU DAN APAKAH KEPUTUSAN YANG DIAMBIL DALAM MESYUARAT ITU.

BELIAU BERKATA REKOD-REKOD ITU BOLEH DIKEQUALIKAN DARIPADA UNDANG-UNDANG OSA KERANA IA BUKAN BERSANGKUTAN DENGAN KESELAMATAN NEGARA LAGI PUN DALAM MESYUARAT KABINET DAN MAJLIS TINDAKAN NEGARA BUKAN SEMUA PERKARA DIKELASKAN SEBAGAI RAHSIA BESAR.

MENGENAI TUDUHAN DAN KHABAR ANGIN BAHAWA MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN KONONNYA MELAKUKAN RASUAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BUKAN SAHAJA SEDIA MENYIASAT MALAH MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MENTERI ITU JIKA DAKWAAN ITU BENAR DAN MEMPUNYAI BUKTI.

+SAYA HENDAK MELIHAT BUKTINYA. BERCAKAP SESEORANG ITU RASUAH MEMANG MUDAH,+ TAMBAHNYA.

ORANG YANG MEMBUAT TUDUHAN ITU MESTI SANGGUP MENJADI SAKSI DAN MENGEMUKAKAN BUKTI DAN JIKA TUDUHAN ITU TIDAK BETUL ORANG ITU AKAN DIAMBIL TINDAKAN +PERJURY+ SUPAYA ADIL KEPADA KEDUA-DUA PIHAK, TAMBAHNYA. -- LAGI  
2046MST 14 03 87

U B234 AAB  
MAHATHIR - PROJEK 3 KUALA KUBU BHARU

MENGENAI SARANAN BEBERAPA KALANGAN DALAM UMNO SUPAYA PARA PEMIMPIN TERTINGGI MENGADAKAN KOMPROMI DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN APRIL INI DEMI MENGELAK PERPECAHAN, BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK TAHU BAGAIMANA YANG DIKATAKAN KOMPROMI ITU.+

+ADAKAH KITA MESTI ADA DUA ORANG PRESIDEN PARTI DAN TIGA ORANG TIMBALAN PRESIDEN?+ SOALNYA.

BELIAU BERKATA JIKA SUDAH ADA TIGA ORANG TIMBALAN PRESIDEN PARTI, SIAPA PULA YANG AKAN MENJADI PRESIDEN BILA JAWATAN ITU KOSONG.

BILA UMNO SUDAH ADA LEBIH DARIPADA SEORANG TIMBALAN PRESIDEN MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI, MAKA PARTI-PARTI KOMPONAN LAIN JUGA MAHU WAKIL PARTI MEREKA MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI, TAMBAHNYA.

DITANYA APAKAH PANDANGAN BELIAU TERHADAP KEMPEN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO KALI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA HENDAKLAH DIADAKAN SECARA PERSAHABATAN SEBAGAI SATU KELUARGA DALAM PARTI.

MENGENAI JAWATAN PRESIDEN PARTI PULA, BELIAU BERKATA JIKA JAWATAN ITU DIPERTANDINGKAN, BIARLAH CALON YANG MENANG MENDAPAT SOKONGAN UNDI YANG TERBANYAK. -- LAGI

2051MST 14 03 87

U B235 AAB  
MAHATHIR - PROJEK 4 KUALA KUBU BHARU

DITANYA MENGENAI MENGAPA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO BARU-BARU INI HANYA MENGAMBIL MASA SETENGAH JAM, BELIAU MENJELASKAN IA KERANA TIDAK ADA BANYAK PERKARA HENDAK DIBINCANGKAN DAN ISU-ISU PEMILIHAN PARTI DIANGGAP LEBIH ELOK TIDAK DIBINCANGKAN.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA, PADA MESYUARAT ITU JIKA ADA ANGGOTA MT YANG MAHU MENIMBULKAN SESUATU PERKARA MEREKA BOLEH BERBUAT BEGITU TETAPI TIDAK ADA SIAPA YANG MENGEMUKAKAN APA-APA SETELAH DIBERI PELUANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DITANYA SAMA ADA MENTERI-MENTERI PUSAT AKAN TURUT MEMBANTU DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK YANG AKAN DATANG BERKATA, IA BERGANTUNG SAMA ADA PERTANDINGAN ITU ANTARA BARISAN NASIONAL DENGAN PIHAK LAIN.

KATANYA, BUAT MASA INI, SUKAR BAGI BELIAU MENJANGKA APAKAH KEADAAN YANG AKAN BERLAKU DALAM PILIHAN RAYA NEGERI ITU.

DITANYA BILA DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL AKAN MENGADAKAN MESYUARATNYA BERHUBUNG DENGAN POLITIK DI NEGERI ITU, BELIAU BERKATA MESYUARAT ITU AKAN DIADAKAN APABILA +GAMBARAN MENJADI SEMAKIN JELAS.+

-- BERNAMA

2118MST 14 03 87